

SOALAN NO: 14

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT

TARIKH: 21 NOVEMBER 2016

SOALAN:

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan bagi meningkatkan kemahiran pekerja (*Skill Workforce*) melalui *1MalaysiaGrip* dalam usaha memperbanyakkan Pekerja Tempatan yang mahir.

PR-1343-L76961

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Bagi memberi peluang kepada pekerja mengikuti kursus-kursus persijilan/akreditasi daripada badan persijilan dalam Negara dan antarabangsa yang akan meningkatkan kemahiran dan membolehkan majikan menawarkan gaji yang tinggi, Kementerian

Sumber Manusia melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) melaksanakan program *1Malaysia Globally Recognised Industry and Professional Certification (1MalaysiaGRIP)*.

2. Pelaksanaan program ini menggunakan konsep *public-private partnership* dimana peruntukan bagi membiayai yuran latihan di bawah program ini adalah dari levi Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia Berhad dan juga peruntukan daripada Kerajaan.

3. Sebanyak RM100 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan untuk 1MalaysiaGRIP, manakala menerusi pelaksanaan 30% *Pool Fund*, PSMB telah memperuntukkan RM100 juta. Sehingga 30 September 2016, jumlah dana yang digunakan untuk 1Malaysia GRIP bagi peruntukan Kerajaan adalah sebanyak RM99,395,707.45, manakala RM71,578,135.93 untuk peruntukan daripada PSMB.

4. Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan 1MalaysiaGRIP, sebanyak 869 kursus persijilan yang ditawarkan oleh 258 penyedia latihan telah diluluskan di bawah program 1MalaysiaGRIP ini.

5. Sehingga 30 September 2016, seramai 20,874 peserta telah mengikuti program ini dengan 13,349 peserta daripada sektor perkhidmatan, 6,484 daripada sektor perkilangan, 812 daripada sektor pembinaan, 139 daripada sektor agrikultur, dan 90 daripada sektor perlombongan dan pengkuarian.

Tuan Yang Di Pertua,

30% Dana Terkumpul

6. Baki daripada dana terkumpul adalah digunakan oleh majikan berdaftar menerusi 6 program utama iaitu *Outplacement Centre*; program bagi pekerja yang diberhentikan, *Train and Replace*; program bagi menggantikan *expats* kepada pekerja Malaysia, *Upskilling and Reskilling*; program bagi PKS, *Future Workers*, *1Malaysia Globally Recognised Industry and Professional Certification (1MalaysiaGRIP)*, dan program-program yang dikenalpasti di bawah *Sectorial Training Committee (STC)*. STC merupakan jawatankuasa yang difokuskan untuk mengenal pasti latihan yang diperlukan oleh majikan mengikut industri.

7. Pelaksanaan 30% dana terkumpul ini adalah selaras dengan Rancangan Malaysia ke-11 di mana Kerajaan telah mensasarkan untuk melahirkan 35% pekerja berkemahiran dan 1.5 juta peluang pekerjaan menjelang tahun 2020.